



eBULETIN

BIL. 4/2022
OKTOBER - DISEMBER

JABATAN ALAM SEKITAR

E - ISSN 2710-5644



Sambutan



HARI هاري عالم سڪيتر نگارا
ALAM SEKITAR
NEGARA 2022

PERINGKAT KEBANGSAAN

22 OKTOBER 2022 | SABTU
DEWAN UTAMA, MAJLIS BANDARAYA KUANTAN



JABATAN ALAM SEKITAR

Kumpulan Editorial



PENASIHAT

**Dr. Norhazni
Binti Mat Sari**



KETUA EDITOR

**Zuraini Binti
Ahmad Tajudin**



TIMBALAN KETUA EDITOR

**Abu Bakar Bin
Tajuddin**



EDITOR

**Ir. Shazana Binti
Mohd Ibrahim**



PENOLONG EDITOR

**Zainirul Ailis
Binti Mustafa**



ISI KANDUNGAN

PRAKATA KETUA PENGARAH JAS 3

SEPTEMBER - OKTOBER 2022

MAJLIS PELANCARAN PAPARAN DATA KUALITI AIR SUNGAI DAN AIR MARIN DI BAWAH PROGRAM PENGAWASAN KUALITI ALAM SEKITAR (EQMP) KEPADA PIHAK AWAM	4
PRA PELANCARAN SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2022 DAN SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA PERINGKAT DAERAH JERANTUT	5
PROGRAM KUDAH ANJURAN JABATAN ALAM SEKITAR BERSAMA BALOK RIVER ADOPTION PROGRAM (BRAP) & SW CORP SEMPERNA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2022	6
SEMINAR PEMATUHAN AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 MELALUI PEMERKASAAN PENDIGITALAN DAN PELANCARAN PELAN STRATEGIK JAS SEMPERNA PROGRAM PENDIGITALAN JABATAN ALAM SEKITAR	7
PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001:2015 DI JABATAN ALAM SEKITAR	9-11
PROGRAM PAMERAN RAKAN ALAM SEKITAR (RAS) DI BOOTH KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR (KASA) DAN KEMPEN PENAMBAHAN KEAHLIAN RAS SEMPERNA PROGRAM INTERNATIONAL GREENTECH & ECO PRODUCTS EXHIBITION & CONFERENCE MALAYSIA (IGEM) BERTEMPAT DI KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE	12-14
PROGRAM PENYERAHAN PAKAIAN, BEG DAN KASUT TERPAKAI KEPADA LIFE LINE CLOTHING SDN BHD SEMPERNA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA TAHUN 2022	16
KURSUS PEMERKASAAN ORGANISASI ANJURAN BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN JAS IBU PEJABAT	17
SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2022 PERINGKAT KEBANGSAAN	18-19
BENGKEL PEMBENTUKAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AMALAN HIJAU BAGI SEKTOR PEMBUATAN KERTAS DAN FABRIKASI LOGAM	20-21

NOVEMBER 2022

WEBINAR PEMATUHAN AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974, "KILANG MINYAK KELAPA SAWIT MENTAH: KOMITMEN KE ARAH PEMATUHAN 100%"	23-24
KURSUS PROGRAM PENGAWASAN KUALITI ALAM SEKITAR : PENGENDALIAN PERALATAN CERAPAN UDARA, ANALISIS DAN INTERPRETASI DATA	25
MESYUARAT INDUK TABUNG PUSINGAN SELAT MELAKA & SELAT SINGAPURA KE-41, 2022 (The 41st Revolving Fund Committee (RFC), 2022)	26-27
MESYUARAT KE-34 JAWATANKUASA BERSAMA MALAYSIA – SINGAPURA MENGENAI ALAM SEKITAR (MSJCE)	29-30
ENVIRONMENT COMMUNITY OF PRACTICE (ECOP) OUTREACH PROGRAM DI ZOO NEGARA MALAYSIA	31

DISEMBER 2022

BENGKEL PEMBANGUNAN SISTEM SEKOLAH LESTARI ANUGERAH ALAM SEKITAR DAN KAMPUS LESTARI	32
KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI PEGAWAI-PEGAWAI KANAN DARIPADA LEMBAGA SUMBER ASLI & ALAM SEKITAR (NREB), SARAWAK	33
PROGRAM PEMBERSIHAN PANTAI ANJURAN TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB) BERSAMA JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) SEMPERNA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2022	34

HEBAHAN KOLEKSI BUKU PERPUSTAKAAN EIMAS

36-41

CROSS WORD PUZZLE

42

PRAKATA

KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR



Assalamualaikum wbt

dan Salam Sejahtera,

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmatNya, JAS telah berjaya menerbitkan eBuletin JAS Bilangan 4/2022.

Di kesempatan kali ini, saya ingin mengucapkan sekalung tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menyumbangkan bahan serta artikel bagi menjayakan eBuletin Bilangan 4/2022 pada kali ini.

eBuletin merupakan wadah yang diterbitkan pada setiap suku tahun bagi menghebahkan kepada umum berkenaan aktiviti dan program yang telah dilaksanakan serta dijayakan oleh JAS. Prinsip serta gerak kerja berteraskan pemeliharaan, pemuliharaan dan kelestarian alam sekitar seharusnya menjadi asas dalam merancang apa jua program dan aktiviti yang melibatkan JAS dengan semua pihak yang berkepentingan sama ada pemegang taruh (*Stakeholders*), agensi-agensi kerajaan, badan-badan swasta mahupun masyarakat umum agar fungsi serta keberadaan JAS lebih dirasai serta diakui dan diiktiraf.

Oleh yang demikian, saya menyeru kepada semua warga JAS sama ada di peringkat Ibu Pejabat mahupun di peringkat Negeri serta Cawangan agar dapat meneruskan khidmat dengan lebih cemerlang serta berdedikasi dalam menjayakan setiap program yang telah dirancang.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama memacu JAS ke arah kecemerlangan dengan penerapan nilai-nilai positif seperti mementingkan kualiti keberhasilan kerja, komitmen, kerja berpasukan, integriti dan amanah dalam setiap tugas yang dipertanggungjawabkan kepada kita. Terima kasih kepada semua.

Selamat maju jaya.

“Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama”

WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
Ketua Pengarah Alam Sekitar



MAJLIS PELANCARAN PAPARAN DATA KUALITI AIR SUNGAI DAN AIR MARIN DI BAWAH PROGRAM PENGAWASAN KUALITI ALAM SEKITAR (EQMP) KEPADA PIHAK AWAM




PUTRAJAYA, 20 SEPTEMBER 2022 - Satu Majlis Pelancaran Paparan Data Kualiti Air Sungai dan Air Marin di bawah Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (EQMP) kepada pihak awam telah diadakan pada 20 September 2022. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Ketua Pengarah Alam Sekitar bersama JAS Ibu Pejabat dan JAS Negeri. Dengan adanya paparan data ini dapat memberikan penyampaian maklumat dengan lebih jelas dan terkini kepada orang awam mengenai kualiti air sungai dan air marin. Paparan data boleh diakses melalui pautan berikut :

- i) Sistem Pengurusan Indeks Kualiti Air Sungai / River Water Quality Index Management System (RQIMS)


rqims.doe.gov.my

- ii) Sistem Pengurusan Indeks Kualiti Air Marin / Marine Water Quality Index Management System (MQIMS)

mqims.doe.gov.my



rqims.doe.gov.my



mqims.doe.gov.my



PRA PELANCARAN SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2022 DAN SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA PERINGKAT DAERAH JERANTUT

JERANTUT, 1 OKTOBER 2022 - Majlis Pra Pelancaran Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2022 dan Sambutan Hari Air Sedunia Peringkat Daerah Jerantut telah berlangsung di Medan Letak Kereta, Kuala Tahan yang telah dilancarkan oleh YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air.



Majlis Pra Pelancaran Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2022 dirasmikan oleh YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah pendaftaran keahlian Rakan Alam Sekitar (RAS), pertandingan mewarna alam sekitar, aktiviti gotong - royong kutip sampah sambil riadah (KUDAH) dengan penyertaan ahli Rakan Alam Sekitar (RAS).

Turut hadir bersama ialah YBhg. Dr Ching Thoo A/L Kim, Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pembetungan) KASA, YB Ustaz Mohd Zakhwan bin Ahmad Badaruddin, Ahli Dewan Negeri Tahan, YB Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud, Ahli Dewan Negeri Damak, YBhg. En. Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah JAS, YBhg. Dato' Ir. Dr. Md. Nasir Bin Md. Noh, Ketua Pengarah JPS, dan Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAS.



PROGRAM KUDAH ANJURAN JABATAN ALAM SEKITAR BERSAMA BALOK RIVER ADOPTION PROGRAM (BRAP) & SW CORP SEMPERNA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2022

MUARA SUNGAI BALOK, KUANTAN, 2 OKTOBER 2022 - Jabatan Alam Sekitar melalui Rakan Alam Sekitar (RAS) dengan kerjasama BRAP & SW Corp telah melaksanakan program kutip sampah sambil riadah (KUDAH) di Muara Sungai Balok, Kuantan, Pahang. RAS diketuai oleh YBrs. Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAS.

Program diserikan lagi dengan kesudian YB Tn. Hj. Andansura bin Rabu, ADUN Beserah untuk hadir & bersama-sama menjayakan program KUDAH pada kali ini.

Pada program kali ini, BRAP telah dipilih sebagai RAS Kluster Industri untuk berkolaborasi dengan JAS bagi menjayakan KUDAH ini. Program turut mendapat kerjasama daripada En. Mansor bin Mokhtar (Tok Empat) Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan & Keselamatan Kampung (JPKK) Balok.

Dianggarkan, kita dapat mengumpulkan sejumlah 220kg sisa pepejal di sepanjang muara sungai ini. Program KUDAH ini dilaksanakan juga sebagai merupakan aktiviti sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2022 selaras dengan tema sambutan HASN pada tahun ini iaitu "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama".



SEMINAR PEMATUHAN AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 MELALUI PEMERKASAAN PENDIGITALAN DAN PELANCARAN PELAN STRATEGIK JAS SEMPERA PROGRAM PENDIGITALAN JABATAN ALAM SEKITAR

BANGI, 6 OKTOBER 2022 – En Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar telah menyempurnakan Program Seminar Pematuhan AKAS 1974 melalui Pemerksaan Pendigitalan dan Pelancaran Pelan Strategik JAS dan Pelan Strategik Pendigitalan JAS Tahun 2021-2030 sempena Program Pendigitalan Jabatan Alam Sekitar yang telah diadakan pada 5-6 Oktober 2022.

Seminar ini melibatkan penyertaan lebih 300 orang peserta daripada pihak industri pelbagai sektor, wakil Kementerian Alam Sekitar dan Air, wakil IPTA dan pegawai-pegawai JAS.

Pelbagai pengisian/ aktiviti telah dijalankan dalam program tersebut termasuklah aktiviti webinar, Klinik Aplikasi, Technology Update, eSport, Teka Silang Kata dan reruai pameran syarikat ICT.



En Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar telah menyempurnakan Program Seminar

Program ini dianjurkan untuk mempromosi dan memberi pendedahan mengenai sistem aplikasi JAS kepada kumpulan sasaran industri dan pihak luar yang berkepentingan. Ia juga diadakan bersempena sambutan Hari Alam Sekitar Peringkat Kebangsaan 2022.

Program Pendigitalan ini telah diadakan secara fizikal dan dalam talian dan dirasmikan oleh YB Menteri Alam Sekitar dan Air dan teksnya dibacakan oleh YBs Tuan Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar.

Ucapan Majlis Penutup pula disampaikan oleh Dr. Norhazni Mat Sari Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAS. Beliau turut menyampaikan Sijil Penghargaan kepada Rakan Strategik yang menyertai reruai pameran program pendigitalan ini dan sesi cabutan bertuah.

Tahniah dan terima kasih kepada semua yang menjayakan program ini. Kita berjumpa lagi di tahun hadapan.





GREEN TIPS

FOR DOE

HAVE A RECYCLE BIN AND ENCOURAGE ITS USE

If there is no recycle bin at work, find out if it's acceptable to place one in a frequently traveled area within the office so that everyone can be prompted to use it. Spread the word that there is a recycle bin in the office if one has to be newly added. Then, by placing it in clear view of everyone, it will serve as a gentle reminder of the importance of recycling.



**GREEN TIPS SECRETARIAT
DEPARTMENT OF ENVIRONMENT**

GO GREEN

PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001:2015 DI JABATAN ALAM SEKITAR



SIJIL

SIRIM QAS International dengan ini mengesahkan bahawa

JABATAN ALAM SEKITAR
 ARAS 1-4, PODIUM 2 & 3
 WISMA SUMBER ASLI
 NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
 62574 PUTRAJAYA
 WILAYAH PERSEKUTUAN
 MALAYSIA

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang mematuhi

ISO 9001:2015
 QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS – REQUIREMENTS

Skop Pensijilan

PEMROSESAN LAPORAN EIA (ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT).

Struktur pensijilan = Peibagai lokasi
 Jumlah bilangan lokasi termasuk lokasi utama = 16.

Tarikh dikeluarkan : 25 Oktober 2022
 Tarikh asal pensijilan : 22 Oktober 2019
 Tarikh luput : 21 Oktober 2025
 No. sijil : QMS 03475



SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.
 (Co. No. 15961023781) (410334-K)
 1, Persiaran Damai, Menara
 Section 2, J. D. Sur 1236
 40150 Shah Alam
 Selangor Darul Ehsan
 MALAYSIA.
 Tel: 60-3-55464504
 Fax: 60-3-55464787
 http://www.sirim-qas.com.my
 http://www.malaysiacertified.com.my

Nur Fadhilah Muhammad
 Ketua Pegawai Eksekutif
 SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Penggunaan sijil ini terikat kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang tertera dalam dokumen ini.



Dalam usaha untuk mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2015 tersebut, beberapa program telah dijalankan sepanjang tahun 2022 seperti:

- Mesyuarat Wakil Pengurusan MS ISO 9001:2015;
- Mesyuarat dan Bengkel Pemantapan Persediaan Audit MS ISO 9001:2015;
- Audit Kualiti Dalaman (AKD);
- Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP); dan
- Audit Pensijilan Semula oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.



Ketua Pengarah Alam Sekitar bersama Pegawai JAS dan Juru Audit daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd

JAS memperoleh pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) di bawah MS ISO 9001:2008 sejak tahun 2010 bagi skop Pemprosesan Laporan EIA dan Penguatkuasaan Syarat – Syarat EIA. Bermula 22 Oktober 2019 sehingga 21 Oktober 2022, JAS telah mendapat pensijilan MS ISO 9001:2015 bagi skop yang sama. Tahun 2022 pula merupakan tahun bagi pensijilan semula MS ISO 9001:2015 yang mana audit pensijilan semula dilaksanakan dengan lebih terperinci oleh Badan Pensijilan iaitu SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Mesyuarat Wakil Pengurusan MS ISO JAS telah dijalankan pada 5 Julai 2022 dan dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Haji Shafe'ee bin Yasin, D.S.M., Pengarah Bahagian Penguatkuasa dan telah dihadiri oleh wakil-wakil Bahagian JAS Ibu Pejabat. Mesyuarat tersebut membincangkan perancangan dan halatuju MS ISO 9001:2015 di JAS serta cadangan pindaan dokumen SPK MS ISO 9001:2015 yang perlu dilaksanakan pada tahun 2022 dalam usaha memudahcara dan menepati standard MS ISO 9001:2015.

Pada 27 hingga 29 Julai 2022, satu Mesyuarat dan Bengkel Pemantapan Persediaan Audit MS ISO 9001:2015 telah diadakan di Hotel Seri Malaysia Genting Highlands. Program tersebut bertujuan untuk memantapkan pengetahuan pegawai JAS yang terlibat dengan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 dan Audit Kualiti Dalam (AKD) sebagai persediaan JAS kepada audit pensijilan semula JAS. Program ini telah dihadiri oleh 33 orang pegawai JAS yang telah dilantik sebagai pengurusan dokumen atau juru audit dalaman daripada JAS Ibu Pejabat dan JAS Negeri dari seluruh Malaysia.



Mesyuarat dan Bengkel Pemantapan Persediaan Audit MS ISO 9001:2015 di Genting Highland

Program AKD bagi Tahun 2022 telah bermula pada 15 Ogos 2022 hingga 7 September 2022 yang melibatkan 11 lokasi iaitu 10 JAS Negeri dan JAS Ibu Pejabat termasuk EIMAS. AKD ini dilaksanakan secara menyeluruh dengan tempoh pengauditan dokumen bermula Oktober 2021 sehingga tarikh audit dilaksanakan.

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Bil.1/2022` pula telah diadakan pada 26 September 2022 yang dipengerusikan oleh YBrs. En. Wan Abdul Latiff Bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia. Mesyuarat ini telah dihadiri Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), pengarah-pengarah dan pegawai dari JAS Ibu Pejabat dan JAS Negeri yang dijalankan secara fizikal di Bilik Mesyuarat Cempaka, JAS Ibu Pejabat dan juga atas talian.

Mesyuarat ini adalah platform untuk membincangkan pendekatan-pendekatan yang boleh diambil untuk menambahbaik pelaksanaan SPK MS ISO 9001:2015 di JAS serta membuat penilaian kepada keberkesanan pelaksanaan SPK ke arah penambahbaikan berterusan



Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) MS ISO 9001:2015

Audit pensijilan semula oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pula telah diadakan pada 5 Oktober 2022 hingga 7 Oktober 2022 yang melibatkan JAS Ibu Pejabat (termasuk EiMAS) dan enam (6) buah JAS Negeri iaitu JAS Pahang, JAS Negeri Pulau Pinang, JAS Negeri Melaka, JAS Negeri Terengganu, JAS Negeri Perlis serta JAS Negeri Sarawak. Audit pensijilan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd tersebut telah diketuai oleh En Mohd Hisyam Bin Mahadi dan dibantu oleh empat (4) pegawai dari agensi yang sama.

Mesyuarat Pembukaan Audit pada 6 Oktober 2022 telah dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Haji Shafe'ee Yasin, Pengarah Bahagian Penguatkuasa JAS Ibu Pejabat manakala Mesyuarat Penutupan Audit pada 7 Oktober 2022 telah dipengerusikan oleh YBrs. Wan Abdul Latiff Bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar. Berdasarkan audit pensijilan semula tersebut, tiada Laporan Ketakakuran (NCR) dilaporkan dan sebanyak empat (4) peluang penambahbaikan (OFI) diberikan. Peluang-peluang penambahbaikan berkenaan sedang diambil tindakan susulan oleh semua pihak dalam menambahbaik pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 di JAS.



Proses Pengauditan Dokumen oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd

JAS telah berjaya mendapatkan pensijilan semula MS ISO 9001:2015 bagi tempoh 25 Oktober 2022 hingga 21 Oktober 2025 bagi skop Pemprosesan Laporan EIA dan Penguatkuasaan Syarat – Syarat EIA. Ianya merupakan hasil usaha dan komitmen padu yang ditunjukkan oleh semua pihak dan dijangka akan menjadi pemangkin ke arah peningkatan kecemerlangan dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada semua pemegang taruh. JAS juga adalah komited dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti ke arah memenuhi kehendak semua pemegang taruh melalui pencapaian objektif kualiti selaras dengan pematuhan undang-undang.



SIJIL

SIRIM QAS International dengan ini mengesahkan bahawa






JABATAN ALAM SEKITAR
ARAS 1-4, PODIUM 2 & 3
WISMA SUMBER ASLI
NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN MALAYSIA

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang mematuhi

ISO 9001:2015
QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS – REQUIREMENTS

Skop Pensijilan

PEMROSESAN LAPORAN EIA (ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT).

Struktur pensijilan = Peibagai lokasi
 Jumlah bilangan lokasi termasuk lokasi utama = 16.



Tarikh dikeluarkan : 25 Oktober 2022
 Tarikh asal pensijilan : 22 Oktober 2019
 Tarikh luput : 21 Oktober 2025
 No. sijil : QMS 03475

SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.
 (Co. No. 1996103781) (410304-X)
 1, Persiaran Djarum
 Section 2, P.O. Box 7235
 40700 Shah Alam
 Selangor Darul Ehsan
 MALAYSIA
 Tel: 03-55484624
 Fax: 03-55484787
 http://www.sirim-qas.com.my
 http://www.malaysianstandard.com.my



Nur Fadhilah Muhammad
 Ketua Pegawai Eksekutif
 SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Pengesahan sijil ini bertaklif kepada peraturannya.



Certificate

SIRIM QAS International has issued an IQNET registered certificate that the organization:

JABATAN ALAM SEKITAR
 No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62574 Putrajaya
 Wilayah Persekutuan
 Malaysia

has implemented and maintains a
 Quality Management System.

Processing of environmental impact assessment report.

Certificate number = 03475
 Total number of sites including main site = 16

which falls the requirements of the following standard:

ISO 9001:2015

Issued on: 25 October 2022
 First issued on: 22 October 2019
 Expires on: 21 October 2025

Registration Number: MY – QMS 03475



PROGRAM PAMERAN RAKAN ALAM SEKITAR (RAS) DI RERUAI KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR (KASA) DAN KEMPEN PENAMBAHAN KEAHLIAN RAS SEMPENA PROGRAM INTERNATIONAL GREENTECH & ECO PRODUCTS EXHIBITION & CONFERENCE MALAYSIA (IGEM) BERTEMPAT DI KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE

KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE, 12 HINGGA 14 OKTOBER 2022 - Rakan Alam Sekitar (RAS) telah menyertai pameran bagi Program International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM) yang dilangsungkan di Kuala Lumpur Convention Centre.

IGEM ialah salah satu pameran dan persidangan teknologi hijau pertama ASEAN, yang menghubungkan usahawan dan pelabur serta mempamerkan inovasi terkini kepada penggubal dasar, organisasi kerajaan, pelabur dan orang awam untuk mewujudkan pembangunan ekonomi yang mampan dan memberi inspirasi kepada tindakan iklim yang memberi impak di seluruh rantau ini.

Sepanjang dua belas tahun yang lalu, IGEM telah berjaya mengukuhkan kedudukannya sebagai platform teknologi hijau, perniagaan dan inovasi yang paling rancak di rantau ini.

IGEM telah menjana di rantau ini sebanyak RM38 bilion petunjuk perniagaan, mempamerkan lebih 3,700 gerai pameran dan menarik lebih 515,000 pelawat dari lebih 79 negara.

IGEM telah membawa dan terus menarik ketua-ketua negara, orang kenamaan dan pemimpin pemikiran hijau ke Malaysia, meletakkan negara sebagai pembawa obor gerakan hijau, mengembangkan ekonomi hijau dan memberi inspirasi kepada penyertaan yang lebih besar.

Melalui program ini, JAS melalui RAS telah melaksanakan pameran alam sekitar serentak dengan kempen penambahan keahlian RAS dan pameran e-Waste.



RAS membuka kaunter pendaftaran keahlian RAS dan pameran alam sekitar di Reruai KASA. Pameran RAS dijayakan oleh seramai enam (6) orang pegawai JAS yang juga merupakan ahli dan sekretariat RAS.


Di samping pendaftaran RAS, JAS turut mempamerkan komputer lama yang telah menjadi e-Waste untuk memberi kesedaran kepada orang awam tentang kandungan bahan berbahaya dan bahan berharga yang ada di dalam e-Waste. Dengan cara ini kita dapat menggalakkan mereka untuk menguruskan e-Waste dengan cara yang betul.

Melalui program sepanjang tiga (3) hari tersebut, RAS telah berjaya memperoleh seramai 163 orang yang mendaftar sebagai ahli RAS yang baru.



Program Rakan Alam Sekitar (RAS) telah dilancarkan pada 4 Jun 2009 oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Bin Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada masa itu. Program Rakan Alam Sekitar (RAS) merupakan inisiatif kementerian dalam membangunkan kesedaran dan menggerakkan anggota masyarakat dalam aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar.

RAS melibatkan anggota masyarakat secara 'hands-on' iaitu menjadi 'mata dan telinga' untuk membantu agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam membanteras kegiatan-kegiatan yang merosakkan atau mencemarkan alam sekitar.





Objektif Program Rakan Alam Sekitar adalah seperti berikut:-

1. Memberi kesedaran alam sekitar di setiap lapisan masyarakat;
2. Menanam rasa tanggungjawab di kalangan masyarakat untuk bertindak dan mengambil bahagian dalam menjaga alam sekitar yang dikongsi bersama; dan
3. Menyediakan saluran yang tepat bagi masyarakat membuat aduan atau pandangan mengenai alam sekitar kepada agensi-agensi kerajaan berkenaan

Kumpulan sasaran penyertaan keahlian Rakan Alam Sekitar (RAS) terbuka kepada semua warganegara Malaysia tidak kira peringkat umur termasuk pelajar sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi, pekerja sektor awam, swasta, orang awam dan lain-lain.

Pendaftaran keahlian RAS boleh dibuat secara atas talian menerusi sistem MyRAS di pautan <http://myras.doe.gov.my>.

Pendaftaran penyertaan keahlian RAS adalah berkonsepkan pendaftaran sendiri.

Penyertaan keahlian RAS adalah percuma dan tidak dikenakan sebarang bayaran.

Menteri Alam Sekitar dan Air, YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man menyifatkan bahawa RAS membentuk sikap kesukarelawanan dan sayangi alam sekitar.





UPGRADE YOUR OFFICE DECOR

Place real plants in your office and other indoor working spaces. As carbon is stored in plants, putting them inside filters the air. They also create a more peaceful and enjoyable environment for everyone.



**GREEN TIPS SECRETARIAT
DEPARTMENT OF ENVIRONMENT**



PROGRAM PENYERAHAN PAKAIAN, BEG DAN KASUT TERPAKAI KEPADA LIFE LINE CLOTHING SDN BHD SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA TAHUN 2022

DEWAN BAUDURI, WISMA SUMBER ASLI, PUTRAJAYA, 14 OKTOBER 2022 -

Program pengumpulan pakaian, beg dan kasut terpakai sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Tahun 2022 telah diadakan pada 29 September hingga 12 Oktober 2022. Tempat pengumpulan adalah di ruang Bahagian Pentadbiran dan Kewangan. Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga jabatan.



Penyerahan kepada Life Line Clothing Sdn Bhd telah diadakan pada 14 Oktober 2022. Sebanyak 270 kg pakaian, beg dan kasut terpakai telah dikumpulkan



Pakaian, beg dan kasut yang telah dikumpul



KURSUS PEMERKASAAN ORGANISASI ANJURAN BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN JAS IBU PEJABAT

DEWAN BAIDURI, PUTRAJAYA, 17 – 18 OKTOBER 2022 - Bahagian Pentadbiran dan Kewangan telah menganjurkan Kursus Pemerksaan Organisasi pada 17 hingga 18 Oktober 2022 yang lalu bertempat di Dewan Baiduri, Wisma Sumber Asli. Kursus ini telah dihadiri oleh seramai 66 orang peserta daripada Jabatan Alam Sekitar seluruh Malaysia, iaitu 33 peserta pada hari pertama dan 33 peserta pada hari kedua pelaksanaannya. Para peserta terdiri daripada Setiausaha Pejabat, Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Tadbir (Kewangan) dan Pembantu Akauntan. Aktiviti-aktiviti seperti *Wizard's Cane*, *Tent-A-Lizor*, *Team Trail* dan *Domino Rush* telah dirangka bagi memenuhi dan mencapai objektif pelaksanaan kursus ini.

Objektif utama kursus ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada para peserta dalam memahami pembudayaan kerja berpasukan dan semangat bekerjasama dalam mencapai matlamat organisasi. Kursus ini juga menekankan tentang pembinaan budaya kreatif dan inovatif dalam menghasilkan prestasi kerja yang cemerlang. Dengan memahami sikap dan cara berkomunikasi antara satu sama lain, boleh membantu para peserta untuk menjadi pegawai yang memiliki komitmen yang tinggi dan seterusnya menyumbang kepada organisasi.



Perasmian Kursus oleh Puan Ani Fazliana Dato' Dahri, Pengarah Bahagian Pentadbiran dan Kewangan



Gambar-gambar Aktiviti Sekitar Kursus

SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2022 PERINGKAT KEBANGSAAN

HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2022
22 OKTOBER 2022 | SABTU
DEWAN UTAMA, MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

22 OKTOBER 2022 | SABTU

Jabatan Alam Sekitar (JAS) komited dalam memastikan kelestarian alam sekitar di Malaysia. Komitmen ini dizahirkan dengan pelaksanaan sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2022 Peringkat Kebangsaan yang merupakan sambutan tahunan terbesar oleh Jabatan.

Penganjuran sambutan ini bermula apabila Hari Alam Sekitar Malaysia telah diisytiharkan pada 21 Oktober 1989 oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong sempena Deklarasi Langkawi. Susulan dari pengisytiharan tersebut, setiap tahun pelbagai aktiviti pendidikan dan kesedaran alam sekitar diadakan sepanjang tahun bagi menyemarakkan kesedaran dan komitmen rakyat Malaysia terhadap alam sekitar.

Sambutan pelbagai aktiviti ini mulanya dikenali sebagai Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) dan disambut pada 21-27 Oktober setiap tahun. Ia turut diadakan di seluruh Malaysia oleh semua JAS Negeri dengan melibatkan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Negeri dan agensi-agensi kerajaan negeri masing-masing. Minggu Alam Sekitar Malaysia telah dijenamakan kepada Hari Alam Sekitar Negara (HASN) bermula pada tahun 2016 dan disambut pada 21 Oktober setiap tahun.

Bagi memperkasa kesedaran dan komitmen Keluarga Malaysia terhadap kelestarian alam sekitar di Malaysia, sambutan HASN 2022 Peringkat Kebangsaan pada tahun ini melibatkan pelaksanaan aktiviti dan program secara fizikal dan dalam talian yang mematuhi SOP terkini yang sedang berkuatkuasa.



Sesi bergambar bersama KDYMM Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong, Pemangku Raja Pahang serta pengurusan tertinggi KASA

Objektif sambutan adalah untuk meningkatkan dan mengukuhkan jalinan kerjasama antara Kementerian dan Jabatan dengan Kerajaan Negeri dan Rakan Strategik dalam mempromosi kesedaran dan kelestarian alam sekitar serta pembudayaan gaya hidup lestari di Malaysia.



Sambutan HASN Peringkat Kebangsaan 2022 disempurkan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong

Sambutan HASN pada tahun ini menjadi sejarah terindah buat Jabatan apabila KDYMM Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong berkenan mencemar duli untuk merasmikan sambutan HASN 2022 Peringkat Kebangsaan pada 22 Oktober 2022 bertempat di Dewan Utama Majlis Bandaraya Kuantan, Pahang. KDYMM Pemangku Raja Pahang turut mencemar duli hadir sama ke majlis sambutan ini. Kehadiran Menteri Alam Sekitar dan Air dan Menteri Besar Pahang juga turut menzahirkan komitmen padu kerajaan pusat dan kerajaan negeri bagi memastikan kelestarian alam sekitar di Malaysia.

Antara pengisian sambutan HASN 2022 Peringkat Kebangsaan adalah Penganugerahan Anugerah Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar (SLAAS), pelancaran buku “Islam dan Alam Sekitar”, Gambut Run, pengumpulan E-waste dan bahan kitar semula, program 1 RAS 1 Pokok, pertandingan rekacipta, pertandingan mewarna, pameran kenderaan elektrik, pameran agensi dan Rakan Strategik Alam Sekitar, demonstrasi ujian pelepasan asap dan bunyi bising kenderaan, ujian PUSPAKOM, Petting Zoo, persembahan buskers serta DJ Corner bersama PahangFM.



Gambar-gambar sekitar Sambutan HASN Peringkat Kebangsaan

BENKEL PEMBENTUKAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AMALAN HIJAU BAGI SEKTOR PEMBUATAN KERTAS DAN FABRIKASI LOGAM

Tarikh : 31 Oktober 2022 –
1 November 2022

Tempat : **Bilik Mesyuarat
Cempaka & Bilik
Mesyuarat Ixora
Jabatan Alam Sekitar**



Objektif :

Bengkel Pembentukan Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Hijau bagi Sektor Pembuatan Kertas dan Fabrikasi Logam ini bertujuan untuk:

- (i) Mendapatkan maklumbalas dan input daripada peserta bengkel berkaitan dua (2) draf Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Industri Hijau yang dibangunkan oleh perunding hasil daripada program Khidmat Nasihat Industri Hijau kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi Sektor Pembuatan Kertas dan Fabrikasi Logam;
- (ii) Memurnikan serta memuktamadkan Draf Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Industri Hijau bagi Sektor Pembuatan Kertas dan juga bagi sektor Fabrikasi Logam.

Kehadiran :

Terdiri daripada pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS), pihak perunding yang telah dilantik iaitu Galaxy Tech Solutions, SIRIM Berhad, wakil-wakil daripada agensi yang berkaitan seperti Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) dan wakil-wakil premis yang terlibat dalam program Bantuan Khidmat Nasihat Industri Hijau Kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan juga Industri lain di Malaysia.

Kandungan :

Bengkel yang diadakan selama dua (2) hari yang dipengerusikan dan dirasmikan oleh En Hidzir bin Zakaria selaku Ketua Penolong Pengarah Kanan (KPPK) Bahagian Penguatkuasa telah dilaksanakan pada 31 Oktober 2022 dan 1 November 2022. Bengkel ini dihadiri oleh pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS), pihak perunding yang telah dilantik iaitu Galaxy Tech Solutions, SIRIM Berhad, wakil-wakil daripada agensi yang berkaitan seperti Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) dan wakil-wakil premis yang terlibat dalam program Bantuan Khidmat Nasihat Industri Hijau Kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan juga Industri lain di Malaysia.

Objektif bengkel adalah untuk mendapatkan input dan maklumbalas daripada peserta bengkel berkaitan Draf Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Industri Hijau bagi Sektor Pembuatan Kertas dan juga Draf Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Industri Hijau bagi Sektor Fabrikasi Logam. Draf-draf garis panduan ini telah dibentangkan oleh dua (2) perunding yang telah dilantik oleh JAS iaitu SIRIM Berhad dan juga Galaxy Tech Solutions.

Selain itu, perunding juga telah membentangkan penemuan audit dan juga cadangan-cadangan opsyen bagi penambahbaikan ke arah pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta pelaksanaan amalan Industri Hijau yang boleh dipraktikkan oleh pihak premis yang berkaitan.

Kesimpulan (Outcome) :

Hasil daripada bengkel yang telah dilaksanakan, Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Industri Hijau Sektor Pembuatan Kertas dan Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Hijau Sektor Fabrikasi Logam telah dimuktamadkan dan akan dicetak pada tahun 2023 menggunakan peruntukan di bawah skop projek Pemantapan Amalan Industri Hijau Dalam Kalangan Industri Melalui Konsep Pencegahan.



Gambar Urusetia Bengkel



Gambar-gambar sekitar bengkel



Penyampaian sijil penghargaan kepada Galaxy Tech Solutions selaku perunding



Penyampaian sijil penghargaan kepada SIRIM Berhad selaku perunding



GREEN TIPS

for **DOE**



REDUCING eWASTE

Maintain your Electronics

Electronic waste (also known as e-waste) is discarded electrical or electronic devices. Improper disposal and processing of this waste can lead to adverse human and environmental damages. With our tendency to just throw away products and continually purchase new ones, this creates a global e-waste problem.

Maintaining a Laptop or Computer:

Clean your computer often so that it doesn't get dirty.

Whenever possible, try not to overcharge your battery. This means unplugging your charger before your laptop hits 100%, which will improve your battery's overall lifespan.



By maintaining your electronics, you save money on having to buy new gadgets when your old ones break down. You're also keeping electronics out of landfills by increasing the total lifespan of your electronic devices.

"Think Wisely.. Think Green"



**GREEN TIPS SECRETARIAT
DEPARTMENT OF ENVIRONMENT**

GO GREEN

WEBINAR PEMATUHAN AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974, “KILANG MINYAK KELAPA SAWIT MENTAH: KOMITMEN KE ARAH PEMATUHAN 100%”



Kandungan:

Webinar Pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974” Kilang Minyak Kelapa Sawit Mentah: Komitmen Ke Arah Pematuhan 100%” adalah julung kali diadakan oleh Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Kelab Kebajikan Alam Sekitar, KESAS Ibu Pejabat. Seminar ini diadakan secara atas talian dengan penyertaan seramai 263 orang daripada Kilang Minyak Kelapa Sawit Mentah di seluruh Malaysia.

- Tarikh** : 2 November 2022
- Masa** : 8.30 Pagi – 2.00 petang
- Tempat** : Bilik Mesyuarat Teratai,
Jabatan Alam Sekitar dan
Secara Dalam Talian

Kehadiran:

Peserta terdiri daripada pengusaha atau wakil Kilang Minyak Kelapa Sawit Mentah di seluruh Malaysia.

Objektif:

Objektif pelaksanaan webinar ini adalah untuk memberikan pendedahan dan pemahaman kepada industri mengenai perundangan, polisi dan garis panduan terkini berkenaan Kilang Minyak Kelapa Sawit Mentah bagi memastikan komitmen oleh pihak industri terhadap pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 termasuk peraturan-peraturan berkaitan dan Jadual Pematuhan Syarat Lesen.

Premis Yang Ditetapkan Minyak Kelapa Sawit Mentah merupakan premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar sepertimana kehendak di bawah Seksyen 18 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Jabatan Alam Sekitar telah meletakkan sasaran pematuhan 100% pada tahun 2022 bagi 460 Kilang Minyak Kelapa Sawit Mentah seluruh Malaysia. Oleh yang demikian, pihak premis perlu memastikan syarat-syarat lesen yang dikenakan dalam Jadual Pematuhan dipatuhi sepenuhnya pada setiap masa.



Pendedahan dan pemahaman mengenai keperluan perundangan, garis panduan serta polisi terkini perlu disampaikan kepada premis bagi memastikan sasaran pematuhan ini dapat dicapai sepenuhnya dan memastikan pihak premis memahami kehendak perundangan terutamanya bagi kawalan pencemaran air, kawalan pencemaran udara dan pengurusan buangan terjadual.

Seminar ini juga diadakan bagi memastikan pihak industri sentiasa memberikan komitmen yang tinggi terhadap alam sekitar dan seterusnya mencapai pematuhan terhadap perundangan alam sekitar secara berterusan.



Webinar sedang berlangsung

Pengisian webinar adalah berkaitan isu yang relevan dengan kilang kelapa sawit mentah dan disampaikan oleh empat (4) ahli panel yang terdiri daripada pegawai JAS yang berpengalaman luas berkaitan topik yang dibentangkan. Panel-panel tersebut ialah Tn. Hj Shafe'ee bin Yasin, Pengarah Bahagian Penguatkuasa, Pn Mehrani Saharudin, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Penguatkuasa, Tn. Hj Mohd Amir bin Ismail, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Penguatkuasa dan juga Pn. Farah Diyana Mohd Rusli, Penolong Pengarah Kanan daripada Bahagian Udara.

Selain pembentangan daripada ahli panel, webinar tersebut juga diselitkan sesi kuiz dan juga sesi soal jawab daripada peserta seminar kepada semua ahli panel. Seminar secara maya ini berakhir pada pukul 2.00 petang.

Kesimpulan:

Webinar yang diadakan secara maya atau atas talian ini telah berjaya mencapai objektif pelaksanaannya dan akan dilaksanakan pada masa akan datang mengikut keperluan semasa dengan penambahbaikan.



Gambar Urusetia webinar bersama para panel Webinar

KURSUS PROGRAM PENGAWASAN KUALITI ALAM SEKITAR : PENGENDALIAN PERALATAN CERAPAN UDARA, ANALISIS DAN INTERPRETASI DATA



Kursus anjuran bersama Jabatan Alam Sekitar dan pihak konsesi PSTW telah diadakan pada 7 – 11 November 2022 dan dihadiri seramai 15 orang pegawai JAS Negeri dan JAS Ibu Pejabat. Kursus ini diadakan bagi memberikan pendedahan kepada pegawai JAS yang terlibat secara langsung dalam aktiviti pengawasan kualiti alam sekitar di JAS Negeri mengenai penggunaan peralatan pengawasan kualiti udara, Portable Multigas Analyser Cerex Sherpard menggunakan kaedah Fourier Transform Infrared (FTIR) dan peralatan Portable Particulate Sampler - GRIMM EDM 164 serta kaedah menganalisa data-data hasil cerapan peralatan berkenaan. Kursus ini juga turut dijalankan latihan penggunaan permodelan kualiti udara AERMOD.



Gambar-gambar aktiviti sekitar Kursus

MESYUARAT INDUK TABUNG PUSINGAN SELAT MELAKA & SELAT SINGAPURA KE-41, 2022 (The 41st Revolving Fund Committee (RFC), 2022)

SINGAPURA, 16 NOVEMBER 2022 - Mesyuarat RFC ke-41 ini telah berlangsung pada 16 & 17 November 2022. Delegasi Malaysia diwakili oleh tiga (3) orang wakil yang terdiri daripada dua (2) orang wakil daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan seorang (1) wakil daripada Jabatan Laut Malaysia (JLM). JAS diwakili oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBrs. En. Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar selaku Ketua Delegasi Malaysia dan Ketua Penolong Pengarah Kanan (KPPK) Norina Frederick Sambang manakala JLM diwakili oleh KPPK Mohd Hisham bin Rubani.

